

Headline	Sukarelawan bantu ringan beban mangsa banjir		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	32	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	547 cm ²
Journalist	Tuty Haryanti Ahmad Rodzi	AdValue	MYR 18,113
Frequency	Daily	PR Value	MYR 54,339



Sukarelawan bantu ringan beban mangsa banjir

Sumbangan tenaga, barang keperluan beri kelegaan kepada penduduk terjejas

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Itu yang digambarkan oleh sukarelawan yang membantu mangsa terkesan akibat tragedi banjir yang melanda negara baru-baru ini.

Pelbagai bentuk bantuan diberi hanya dapat meringankan beban mereka. Namun, apa dirasa dan dilalui mangsa banjir yang terkesan hingga rumah, harta benda musnah, selain ada yang terkorban jauh lebih meritkan serta sukar diterjemahkan.

"Setiap ruang rumah disaluti lumpur kotor dan pelbagai ke-

rosakan di sana sini," kata sukarelawan Rohana Shadan, 43.

Beliau bersama 10 rakan lain dari kumpulan Saiful One Fitness United (SIFU) menyinggung lengan baju dan mengerah kudrat bersatu hati membantu membersihkan rumah mereka dipenuhi selut dan lumpur, selain menghulurkan barangan keperluan meringankan mangsa.

"Ini kali pertama saya menjadi sukarelawan membantu membersihkan kediaman mangsa terjejas akibat banjir di beberapa kawasan termasuk di Dengkil, Puchong, Bukit Canggung, Taman Sri Muda, Shah Alam serta di Karak, Pahang.

"Pada awalnya ia berlaku secara kebetulan apabila kediaman ibu bapa seorang rakan kami di Nanding, Hulu Langat, dinaiki air hingga sukar untuk membersihkan dan mengemas.

"Ketika itu saya, suami dan anak sepatutnya bercuti di Port Dickson, tetapi memandangkan banyak lokasi banjir kami baktakan hasrat itu walaupun sudah membuat tempahan.

"Suami mengajak saya menghabiskan cuti yang sudah diambil dengan membantu mangsa



Julieana (duduk, tengah) dan Rohana (kanan) ketika membantu membersihkan kediaman mangsa banjir di Kampung Karak Setia Karak, baru-baru ini.

banjir," katanya.

Sebaik tiba di rumah ibu bapa rakannya itu, beliau terkedu melihat keadaan rumah yang kotor dan tunggang-langgang akibat dibawa air yang naik sehingga hampir ke paras bumbung.

Penolong Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu berkata, dia bersama 10 rakan lain terus menjalankan kerja membersihkan lumpur, mencuci lantai dan membersihkan barang yang masih boleh digunakan.

"Ketika itu perasaan saya sangat sedih dan berfikir jika berada di tempat mangsa banjir, sudah pasti tidak dapat menerima keadaan itu.

"Namun, apabila melihat mereka yang sentiasa tersenyum dan mengalu-alukan kedatangan kami, saya dapat berasakan seakan sudah pasrah dengan dugaan yang melanda," katanya.

Ibu empat anak ini berkata, sejak itu beliau dan kumpulan mencari rumah mangsa banjir memerlukan bantuan terutama di kawasan pedalaman yang kurang mendapat bantuan.

"Kami hanya sukarelawan biasa dan bukan bernaung di bawah mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tetapi ramai rakan menyumbang untuk kerja amal ini.

"Dengan sumbangan itu, kami membeli barangan keperluan seperti makanan dan peralatan mencuci untuk diagihkan kepada mangsa banjir.

Rohana memang sensitif kepada bau dan amat mementingkan kebersihan, namun apabila turun padang melihat sendiri keadaan mangsa banjir, semua itu perlu dilakukan.

"Saya harap ramai sudi membantu mangsa banjir, namun jika ingin memberikan barangan ter-

pakai, beri yang sesuai kerana kita perlu meletakkan diri kita di tempat mereka," katanya.

Pengurus pemasaran, Julieana Sarean Sarmat, 33, dari kumpulan sama, berkata walaupun ini bukan kali pertama menjadi sukarelawan, pengalaman misi sukarelawan pasca banjir lebih bermakna.

Katanya, hatinya begitu tersentuh, jiwa meruntun dan sebak melihat keadaan mangsa banjir.

"Saat paling sedih ketika misi membersihkan rumah di sebuah kampung di Pahang, tiba-tiba air naik, namun penduduk masih mampu tersenyum dan meminta kami pulang segera bagi mengelak terperangkap," katanya.

"Kami dapat berasakan bagaimana trauma dan remuk hati dengan musibah ini, tetapi mampu tersenyum mengalu-alukan kumpulan kami membantu membersihkan rumah," katanya.